

## Adakah Modal Insan Mempunyai Hubungan dengan Prestasi Koperasi di Semenanjung Malaysia?

Khairunnisak Ahmad Shakir<sup>1</sup>, Muhammad Shukri Bakar<sup>2</sup>, Mohd Azril Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kuliyah Muamalat, Kolej Universiti INSANIAH, Kuala Ketil, Kedah

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

knisak76@yahoo.co.uk, shukribakar@uum.edu.my, azril@uum.edu.my

### ABSTRAK

Sumber adalah sesuatu yang dimiliki dan juga dikawal oleh organisasi. Sumber dapat meningkatkan keberkesanan dan juga prestasi sesebuah organisasi. Sumber organisasi boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu sumber nyata dan sumber tak nyata. Sumber nyata terdiri daripada aset fizikal organisasi, manakala sumber tak nyata pula adalah terdiri daripada aset bukan fizikal. Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan dan mengesahkan bahawa aset tak nyata mewujudkan kelebihan daya saing bagi sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, penyelidik cuba untuk melihat hubungan di antara sumber tak nyata dengan prestasi koperasi di Semenanjung Malaysia. Sumber yang difokuskan adalah modal insan. Modal insan penting bagi koperasi di mana sekiranya koperasi mempunyai modal insan yang berkualiti, maka urus tadbirnya akan berjalan dengan lancar dan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan. Kertas cadangan konsep ini kemudiannya akan diikuti oleh satu ujian secara empirikal di lapangan bagi menentukan perhubungan dan pengaruh modal insan ke atas prestasi koperasi.

**Kata kunci:** sumber, modal insan, prestasi koperasi

### 1.0 PENGENALAN

Koperasi adalah merupakan sebuah entiti perniagaan yang ditubuhkan oleh sekumpulan manusia. Matlamat utama penubuhan koperasi adalah untuk menyediakan perkhidmatan dan produk kepada penggunaanya. Pada dasarnya, koperasi merupakan perniagaan yang dimiliki dan dikawal secara demokratik oleh sekumpulan manusia yang mempunyai tujuan yang sama, iaitu

menggunakan perkhidmatan serta mendapat faedah yang diagihkan secara sama rata di atas penggunaan perkhidmatan tersebut (MKM, 2010).

Koperasi juga dilihat secara tidak langsung berusaha untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya anggotanya melalui perniagaan yang dipunyai bersama dan dikawal secara demokrasi. Ini jelas bermaksud koperasi telah menjadi platform dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan ahli-ahli anggota sehingga ke tahap yang mampu mengeluarkan anggotanya daripada arus kemiskinan (Zulnaidi, 2009).

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh koperasi adalah mirip dengan perniagaan-perniagaan yang lain di mana koperasi juga mempunyai kemudahan fizikal yang sama, menjalankan fungsi yang sama serta mengikuti amalan lazim perniagaan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang dapat dilihat dari sudut tujuan koperasi ditubuhkan, pemilikan dan kawalan serta bagaimana faedah diagihkan. Perbezaan ini dinyatakan dalam prinsip-prinsip koperasi yang menerangkan dengan lebih jelas keunikan kegiatan koperasi.

Koperasi secara umumnya merupakan salah satu bentuk organisasi ekonomi di mana telah banyak diterapkan di negara maju mahupun negara membangun dalam rangka untuk mensejahterakan golongan ekonomi yang minoriti di sesebuah ekonomi. Jika ditinjau pada prinsip koperasi, boleh dirumuskan bahawa koperasi merupakan sebuah organisasi yang lebih berbentuk kekeluargaan dan menjaga kebajikan para anggotanya. Walaupun matlamat utama koperasi adalah lebih kepada untuk mensejahterakan kebajikan para anggotanya, namun peranan koperasi dalam memperkasakan ekonomi negara tidak boleh dipandang ringan. Hal ini dibuktikan melalui sasaran kerajaan yang telah pun mengangkat sektor koperasi untuk menjadi sektor ketiga terpenting yang menyumbang kepada ekonomi negara selain daripada sektor kerajaan dan juga swasta (Ahmad Kamil, 2006; SKM, 2010).

Pengiktirafan kerajaan mengenai sektor koperasi sebagai sektor ketiga terpenting dalam pembangunan negara telah menuntut komitmen yang tinggi kepada tenaga penggerak koperasi. Tujuan asal koperasi ditubuhkan sebagai peminjam wang pada suatu ketika dahulu tidak lagi relevan dalam konteks dan aspirasi kerajaan masa kini. Pengiktirafan ini telah menyebabkan penekanan perlu diberikan kepada aspek-aspek yang mampu dan dilihat berpotensi untuk melepasi tahap yang telah disasarkan oleh pihak kerajaan. Walaupun bilangan koperasi di Malaysia semakin bertambah saban tahun di mana jumlah koperasi pada tahun 2014 adalah sebanyak 11,871 buah berbanding 10,914 buah bagi tahun 2013 (SKM, 2015), namun ia bukanlah merupakan satu petunjuk kepada kejayaan prestasi koperasi.

Kerajaan juga banyak memberikan pelbagai jenis bantuan dan galakan kepada sektor koperasi dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian koperasi. Namun begitu, prestasi yang ditunjukkan oleh koperasi amatlah mendukacitakan jika dibandingkan dengan segala jenis bantuan dan galakan yang kerajaan berikan. Sektor koperasi ini hanya mampu menyumbang sekitar paras melebihi 1% kepada KDNK negara bagi tahun 2013 (NewsDesk, 2013; Nick, 2013). Hal ini dilihat agak jauh ketinggalan daripada sasaran yang diletakkan kerajaan bagi tahun 2013 dan 2020, di mana kerajaan juga mensasarkan supaya koperasi dapat menyumbang sebanyak 5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2013 dan peningkatan sebanyak 10% pula menjelang tahun 2020 (Lanson, 2011; SKM, 2010). Jika dibandingkan dengan sumbangan negara-negara lain seperti Vietnam (8.6 peratus), Perancis (9 peratus) dan Switzerland (16.4 peratus) (Lanson, 2011), tahap sumbangan koperasi di Malaysia secara relatifnya adalah masih jauh ketinggalan.

Malahan, sekiranya ditinjau dari sudut tahap ranking koperasi dunia, masih belum ada satu pun koperasi di Malaysia yang tersenarai dalam kalangan 300 koperasi terbaik di dunia menurut International Cooperative Association (ICA). Walau bagaimanapun, Ernita (2012) menyatakan peranan koperasi tidak boleh dilihat dari sudut KDNK sahaja, malah perlu dilihat dari aspek yang lain juga kerana koperasi yang baik dan berkualiti bukan sahaja mampu untuk meningkatkan nilai ekonomi dan juga tahap sosial ahli-ahlinya, malah ia mampu memerangi kemiskinan, membuka ruang pekerjaan dan mengukuhkan keharmonian masyarakat.

Di sebalik sumbangan besar bidang koperasi kepada masyarakat dan negara, masih kurang kajian yang dilakukan terutamanya kajian-kajian yang memeriksa faktor-faktor penyumbang utama kepada prestasi koperasi. Melihat kepentingan koperasi seperti yang telah diterangkan sebelum ini, maka kajian konsep seperti ini dilihat mampu memberikan kesan yang signifikan kepada dunia keilmuan dan praktis dalam bidang koperasi terutama apabila ianya diikuti dengan kajian empirikal kemudiannya. Semoga kajian ini dapat memberikan input dan sumbangan sepertimana yang diharapkan oleh penyelidik.

## **2.0 SOROTAN KARYA**

### **2.1 Hubungan Antara Modal Insan dan Prestasi Koperasi**

Modal insan dilihat amat penting kepada mana-mana organisasi memandangkan ia melambangkan kelemahan atau kekuatan organisasi itu sendiri. Jika ditinjau dari perspektif koperasi itu sendiri, kerajaan telah pun menyasarkan koperasi

harus dapat menyumbangkan sekitar 10% kepada KDNK negara menjelang 2020 (SKM, 2010). Namun, hasrat dan aspirasi kerajaan hanya dapat dicapai sekiranya koperasi mempunyai modal insan yang berkualiti supaya operasi dan urus tadbirnya berjalan dengan lancar dan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan.

Menurut Bontis dan Serenko (2009), modal insan bermaksud kompetensi, pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun, Wang dan Shieh (2008) menjelaskan modal insan sebagai nilai keseluruhan sumber manusia dalam organisasi yang mana melibatkan semua staf dalam organisasi dan juga keupayaan mereka untuk menyelesaikan kerja mereka dengan jayanya. Tinjauan literatur mendapati terdapat kajian yang diketengahkan oleh pengkaji terdahulu mengenai modal insan dan prestasi. Hitt, Bierman, Shimizu dan Kochar (2001) telah melihat aspek modal insan ini di syarikat perundangan di Amerika Syarikat di mana dapatan kajian oleh mereka mendapati terdapat hubungan yang signifikan positif antara modal insan dengan prestasi. Kajian yang dijalankan oleh Wang dan Shieh (2008) ke atas syarikat pelaburan di Taiwan pula turut menyokong dapatan kajian oleh Hitt, et al. (2001). Tinjauan literatur juga mendapati terdapat kajian yang dilakukan oleh Abdel-Aziz, Shawqi dan Bontis (2010) mengenai hubungan ini. Mereka telah melakukan kajian ke atas 132 pengurus atasan dan pertengahan dalam sektor farmasi di Jordan. Dapatan kajian mereka juga turut menyokong hubungan yang signifikan positif antara modal insan dengan prestasi.

Seterusnya, tinjauan literatur penyelidik juga mendapati Cater dan Cater (2009) telah melakukan kajian mengenai aspek ini di industri bukan koperasi, iaitu di 182 buah syarikat di Slovenia. Hasil dapatan kajian mereka juga turut menyokong hubungan tersebut. Kajian yang telah dilakukan oleh Ganotakis (2012) telah mengukuhkan lagi hubungan modal insan dan prestasi. Ganotakis telah melakukan kajian ke atas 412 buah organisasi yang berteknologi tinggi di sektor perkilangan dan perkhidmatan di United Kingdom.

Walaupun bagaimanapun, tinjauan kajian terdahulu oleh penyelidik berkaitan dengan modal insan dalam bidang koperasi khususnya masih belum lagi ditemui. Kebanyakan kajian terdahulu hanya memfokuskan kepada hubungan modal insan dengan prestasi organisasi bukan koperasi. Tinjauan literatur mendapati kesemua kajian tersebut juga langsung tidak menguji hubungan modal insan dengan prestasi koperasi baik dari segi prestasi kewangan mahupun prestasi bukan kewangan. Ini merupakan satu kelemahan dan kekurangan yang nyata dalam bidang koperasi yang memerlukan pengisian sepertimana yang dibuat oleh kajian ini.

Melihat kepada peri pentingnya modal insan terutama di kalangan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) seperti yang ditekankan oleh pihak kerajaan dalam Teras III, Dasar Koperasi Negara (2011-2012), maka kajian ini cuba untuk menguji adakah benar wujud hubungan antara modal insan ALK dengan prestasi koperasi. Sekiranya wujud hubungan, adakah hubungan tersebut bersifat positif atau sebaliknya. Semua persoalan ini tidak ditemui jawapannya oleh penyelidik kerana penyelidik belum menemui kajian yang menguji hubungan antara dua pemboleh ubah (modal insan dan prestasi koperasi) berkenaan.

Disebabkan penyelidik masih belum menemui kajian yang melihat hubungan di antara modal insan dengan prestasi koperasi, maka kajian ini berpendapat wujud kebarangkalian untuk modal insan berhubung dengan prestasi koperasi. Ujian untuk mengesahkan kebarangkalian hipotesis ini adalah berdasarkan kepada hipotesis seperti berikut:

**H1:** Modal insan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi koperasi.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memilih koperasi yang tersenarai dan berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2014 sebagai populasi kajian. Koperasi-koperasi yang terlibat adalah koperasi yang beroperasi di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Terdapat sebanyak 9,802 buah koperasi yang beroperasi di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, saiz sampel kajian hanya melibatkan 368 buah koperasi. Saiz sampel ini diperoleh berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel yang diperoleh daripada Sekaran (2000), di mana jadual penentu saiz sampel untuk saiz populasi seperti yang dicadangan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Kajian ini akan menggunakan teknik kutipan data melalui kaedah pengeposan soal selidik kepada responden yang akan dipilih secara rawak. Responden adalah terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK). Kajian ini pada dasarnya memfokuskan kepada modal insan yang dimiliki oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK). ALK adalah merupakan nadi penggerak koperasi di mana mereka merupakan pihak yang akan membawa koperasi untuk mencapai matlamat koperasi. ALK juga merupakan unit pengurusan tertinggi yang mengawal dan bertanggungjawab terhadap semua perjalanan koperasi, membuat dasar dan memastikan dasar itu dijalankan dengan sempurna, merangka dan membenteng program baru untuk kelulusan mesyuarat agung. Oleh itu, kajian ini cuba untuk

mengukur aspek modal insan yang dimiliki oleh ALK berkenaan dan melihat hubungannya dengan prestasi koperasi.

Kajian ini juga telah mengguna dan menyesuaikan instrumen yang telah diguna pakai oleh Carmeli dan Tishler (2004a). Instrumen yang sama juga telah diguna pakai oleh G. M. d. Castro dan P. L. Saez (2008) dan juga Azahari, Rushami dan Shahimi (2015). Pengukuran aspek modal insan ini yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji tersebut adalah meliputi tahap pendidikan, pengalaman kerja dan kompetensi. Pendekatan penggunaan dimensi ini dilihat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam kajian ini kerana ianya telah pun diuji dalam pelbagai bentuk persekitaran organisasi, iaitu persekitaran organisasi awam seperti yang dilakukan oleh Carmeli dan Tishler (2004a), organisasi swasta iaitu kajian oleh Castro dan Saez (2008), Carmeli dan Tishler (2004b) dan (Azahari, *et al.*, 2015) dalam sektor pergudangan. Kajian ini akan menggunakan skala pengukuran 6 mata julat.

#### **4.0 KESIMPULAN DAN KAJIAN MASA HADAPAN**

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik hubungan antara modal insan dengan prestasi koperasi. Hasil kajian ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada ilmu pengetahuan yang baru dan akan memberi implikasi kepada kemajuan dan perkembangan sektor koperasi. Di samping itu, kajian ini juga mungkin akan menambahkan lagi khazanah literatur dalam bidang sumber dan koperasi.

Tinjauan literatur berkaitan kajian yang melibatkan koperasi masih agak sukar ditemui terutamanya di Malaysia. Kebanyakan kajian mengenai koperasi hanya melibatkan kajian-kajian dari pihak Maktab Koperasi Malaysia. Secara khususnya, adalah diharapkan kajian ini mampu menyumbang kefahaman secara teori mengenai hubungan antara sumber tak nyata dengan prestasi koperasi dan dapat dijadikan panduan kepada tenaga penggerak koperasi.

Dapatan kajian juga boleh digunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan, iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan juga Maktab Koperasi Malaysia di mana agensi ini memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan imej dan keputusan dalam pembentukan dasar koperasi di Malaysia. Kertas cadangan ini merupakan satu kajian konsep. Oleh yang demikian, tiada sebarang bukti empirikal akan diketengahkan. Cadangan kajian sebenar di lapangan yang akan dijalankan kemudian akan mengesahkan model kajian ini dengan bukti-bukti hasil dapatan kajian secara empirikal berhubung dengan perhubungan tersebut.

## RUJUKAN

- Abdel-Aziz, A. S., Shawqi, N. J., & Bontis, N. (2010). Intellectual capital and business performance in the pharmaceutical sector of Jordan. *Management Decision, 48*(1), 105-131.
- Ahmad Kamil, M. (2006). Koperasi pacu ekonomi. [http://library.perdana.org.my/News\\_2006/7-Aug-2006/UM/Others/UM-25072006.pdf](http://library.perdana.org.my/News_2006/7-Aug-2006/UM/Others/UM-25072006.pdf)
- Azahari, R., Rushami, Z. Y., & Shahimi, M. (2015). Kesan integrasi strategi sebagai mediator dalam hubungan antara modal insan dengan prestasi operasi gudang pengilang di Malaysia. *Sains Humanika, 7*(1), 61-67.
- Bontis, N., & Serenko, A. (2009). A causal model of human capital antecedents and consequents in the financial services industry. *Journal of Intellectual Capital, 10*(1), 53-69.
- Carmeli, A., & Tishler, A. (2004a). The relationship between intangible organizational elements and organizational elements and organizational performance. *Strategic Management Journal, 25*, 1257-1278.
- Carmeli, A., & Tishler, A. (2004b). Resources, capabilities, and the performance of industrial firms : A multivariate analysis. *Managerial and Decision Economics, 25*, 299-315.
- Castro, & Saez. (2008). Intellectual capital in high-tech firms: The case of Spain. *Journal of Intellectual Capital, 9*(1), 25-36.
- Castro, G. M. d., & Saez, P. L. (2008). Intellectual capital in high-tech firms: The case of Spain. *Journal of Intellectual Capital, 9*(1), 25-36.
- Cater, & Cater. (2009). Intangible resources as antecedents of a company's competitive advantage and performance. *Journal For East European Studies, 14*(2), 186-209.
- Ernita. (2012). Universiti Utara Malaysia.
- Ganotakis, P. (2012). Founders' human capital and the performance of UK new technology based firms. *Small Bus Econ, 39*, 495-515.
- Hitt, M. A., Bierman, L., Shimizu, K., & Kochar, R. (2001). Direct and moderating effects of human capital on strategy and performance in professional service firms: A resource based perspective. *Academy of Management Journal, 44*(1), 13-28.
- Lanson, J. (2011). Sasar tingkat sumbangan koperasi, *Borneo Post Online*. Retrieved from <http://www.theborneopost.com/2011/11/22/sasar-tingkat-sumbangan-koperasi/>
- MKM. (2010). *Siri Pengurusan MKM: Pentadbiran Koperasi* (2 ed.). Petaling Jaya: Maktab Koperasi Malaysia.
- NewsDesk. (2013). Sasaran 10 peratus sumbangan koperasi kepada KDNK pada 2020, *Utusan Sarawak*. Retrieved from

<http://www.utusansarawakonline.com/news/9437/Sasaran-10-peratus-sumbangan-koperasi-kepada-KDNK-pada-2020/>

- Nick, F. (12 Disember 2013). Sumbangan sektor koperasi masih terlalu kecil, *Utusan Borneo*. Retrieved from <http://www.theborneopost.com/2013/12/12/sumbangan-sektor-koperasi-masih-terlalu-kecil/>
- Sekaran, U. (2000). *Research Methods For Business*. United States America: John Wiley & Sons.
- SKM. (2010). *Dasar Koperasi Negara 2011-2020*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- SKM. (2015). Statistik Gerakan Koperasi Malaysia. Retrieved 2 Januari 2015, 2015, from [http://www.skm.gov.my/SKMWebSite\\_CMS/media/Main-Root-SKM/Gerakan%20Koperasi/Statistik%20Gerakan%20Koperasi/2013/02-01-Perangkaan-Am-Koperasi-Mengikut-Kluster.pdf?ext=.pdf&disposition=inline](http://www.skm.gov.my/SKMWebSite_CMS/media/Main-Root-SKM/Gerakan%20Koperasi/Statistik%20Gerakan%20Koperasi/2013/02-01-Perangkaan-Am-Koperasi-Mengikut-Kluster.pdf?ext=.pdf&disposition=inline)
- Wang, I.-M., & Shieh, C.-J. (2008). Effect of human capital investment on organizational performance. *Social Behaviour and Personality*, 38(8), 1011-1022.
- Zulnaidi, Y. (2009). Peranan koperasi kepada golongan berpendapatan rendah dalam situasi kegawatan ekonomi. 2/2009. Retrieved from <http://www.youblisher.com/p/772890-Dimensi-Koop-Bil-2-2009-Koperasi-dan-Krisis-Ekonomi-Semasa/> website